

## UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN RASMI LANGKAWI COUNTRY CLUB, PULAU LANGKAWI, PADA 18HB OGOS, 1973

Encik Low Yow Chuan, Pengarah Urusan, Langkawi Country Club; Y.A.B. Datuk Menteri Besar Kedah<sup>1</sup>, Y.T.M. Tunku, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Terlebih dahulu sukalah saya menyatakan perasaan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Langkawi Country Club ini kerana sudi menjemput saya dan isteri saya ke majlis pembukaan rasmi Langkawi Country Club ini di samping memberi saya penghormatan merasmikannya.

Seperti yang dikatakan oleh Encik Low tadi, projek Langkawi Country Club ini merupakan satu cabaran yang hebat kerana kita tahu bukanlah satu perkara yang mudah membina sebuah *hotel bertaraf international di Pulau yang terpencil seperti Langkawi ini*. Oleh itu patutlah pada tempatnya Low Yat Holdings diberi setinggi-tinggi tahniah dan pujian atas kesanggupan dan keberanian mereka menyambut cabaran dari Y.T.M. Tunku itu. Saya sukacita projek ini dijalankan bersama dengan SEDC Negeri Kedah kerana memang menjadi dasar Kerajaan menggalakkan jointventure seperti ini antara pihak Kerajaan dan sektor swasta.

Tidak syak lagi complex Langkawi Country Club ini merupakan satu kemajuan besar kepada Pulau ini khasnya dan kepada national tourist industry amnya. Saya percaya Y.T.M. Tunku menggambarkan kemajuan ini dengan tujuan mempopularkan Pulau yang terkenal dengan legend Mahsuri kepada dunia. Barangkali kalaupun masih ada peninggalan dari sumpah Mahsuri yang dikatakan itu, saya percaya ini akan berakhir dengan bermulanya zaman baru kemakmuran atau new era of prosperity berikutan dari kemajuan yang berlaku sekarang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita semua maklum bahawa bidang pelancungan atau tourism merupakan potential yang besar bagi negara kita di masa akan datang. Saya sukacita melihat kemajuan yang pesat di bidang

---

<sup>1</sup> Y.B. Dato Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabuddin.

ini berikutan dengan Persidangan PATA tahun lalu yang telah memperkenalkan Malaysia dengan lebih luas kepada dunia. Ini adalah jelas dari angka pelancung yang semakin meningkat tiap-tiap bulan yang mana menjamin kestabilan kepada hotel industry.

Perkembangan di bidang tourist industry jelas membuktikan kemungkinan yang lebih besar di masa akan datang. Kerajaan melalui Tourist Development Corporation sudahpun membuka Tourist Office di Tokyo kerana negara Jepun adalah salah satu punca tourism yang kaya kerana adanya golongan middle class yang mampu melancung sekurang-kurangnya sekali setahun. Selama ini kita lebih mengharapkan tourist source dari Amerika, Eropah dan Australia dan dari itu patutlah diperhebat kempen menarik pelancung-pelancung ke negara ini dengan mengadakan lebih banyak tourist office di negara-negara tersebut dan juga di kota-kota yang merupakan vital airline terminus seperti Beirut, Hongkong dan Bangkok.

Saya percaya dengan kerjasama pihak Hotelier dan Kerajaan, kita boleh meningkatkan angka pelancung ke Malaysia tahun ini berbanding dengan dua tahun lalu (1972: 725,874; 1971:  $\pm$  600,000). Hingga enam bulan yang lalu, bilangan pelancung yang datang iaitu 424,996 adalah lebih ramai berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1972.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Berbalik semula kepada Complex Langkawi Country Club ini, saya suka memuji beberapa hal yang sungguh menarik hati seperti bentuk architecturenya yang imaginative; nama-nama ruang dan bilik yang menghidupkan tradisi sejarah Pulau ini dan juga dasarnya mengutamakan pekerja-pekerja Bumiputra yang kebanyakannya dari Langkawi ini sendiri. Ini adalah contoh yang baik kepada Pengusaha-pengusaha kerana dengan cara beginilah kita dapat membahagikan kemakmuran dengan lebih saksama. Saya ingin melihat projek Hotel di Pulau Tioman yang akan siap tidak lama lagi mengamalkan dasar yang sama.

Negara kita, baik Semenanjung Malaysia mahupun Sabah dan Sarawak mempunyai sumber keindahan alam yang sukar ditandingi dan semua ini boleh dimajukan sebagai tourist objective. Hingga sekarang, negeri-negeri Pantai Timur masih agak ketinggalan dan segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri

tentulah tidak dapat menjamin kejayaan kecuali kalau dapat kerjasama pihak swasta yang berpusat di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Saya suka melihat inisiatif seperti Langkawi Country Club ini dijalankan di Kelantan, Trengganu dan Pahang supaya pelancung-pelancung ke negara kita dapat melihat dan mengetahui keadaan yang lebih luas dan tidak terbatas kepada Pantai Barat sahaja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti yang dikatakan oleh Encik Low tadi, pusat pelancungan seperti Langkawi Country Club ini akan menimbulkan kegiatan-kegiatan ekonomi—generating economic activities—di lapangan pengangkutan serta membuka peluang kepada penduduk-penduduk Pulau ini menjalankan perusahaan tangan atau cottage industry untuk dijual kepada pelancung-pelancung yang datang ke mari. Semua ini patut diambil perhatian penuh supaya rakyat Pulau ini benar-benar mendapat faedah dari kemajuan pembangunan dan tidak hanya terbatas kepada pekerja-pekerja di Langkawi Country Club ini sahaja.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas jemputan ke majlis ini dan khasnya kepada kakitangan Langkawi Country Club yang telah berpenat lelah mengaturkan acara meriah pada petang ini. Lawatan saya kali ini akan menjadi kenangan indah kepada saya sekeluarga dan berharap akan dapat datang lagi kemari pada masa lain.

Dengan itu saya dengan penuh sukacita merasmikan Langkawi Country Club ini sambil berharap tempat ini akan terus maju menarik pelancung-pelancung ke Pulau Langkawi ini.